

Anwar bangkitkan isu MH17 ketika bertemu Putin

Presiden Russia menuntut siasatan menyeluruh terhadap tragedi, tidak mahu isu dipolitikkan

Moscow: Vladimir Putin mendengar dengan teliti semua perkara dibangkitkan Malaysia berkaitan tragedi pesawat Malaysia Airlines MH17, sebelum menzahirkan rasa simpati dan mengucapkan takziah kepada keluarga semua mangsa.

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, berkata Presiden Russia itu menegaskan beliau menuntut supaya siasatan rapi dan menyeluruh dijalankan terhadap tragedi itu, selain mahu isu berkenaan tidak dipolitikkan.

“Putin berkata, sejak awal Moscow memohon supaya siasatan berhubung perkara itu harus bebas dan teliti, selain menegaskan Russia sedia memberikan kerjasama untuk memastikan laporan itu lebih berwibawa.

“Cuma yang saya dapat pastikan, beliau kata tidak benar kalau beliau tidak sedia untuk memberikan kerjasama tetapi, beliau tidak mahu bekerjasama dengan mana-mana badan yang beliau atau Russia anggap sebagai tidak bebas,” katanya.

Anwar memberitahu media Malaysia yang mengikuti lawatan rasmi beliau ke Russia di sini, malam kelmarin.

Beliau diminta mengulas mengenai perkembangan terkini berhubung penemuan Majlis Pertubuhan Penerbangan Awam Antarabangsa (ICAO) bahawa Russia bertanggungjawab menembak jatuh pesawat MH17 di Ukraine pada 2014.

Dalam keputusan pada Isnin lalu, ICAO yang juga majlis penerbangan di bawah Pertu-

buhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) memutuskan Russia bertanggungjawab terhadap insiden mengorbankan semua 298 penumpang dan anak kapal pesawat malang terbabit.

Menurut laporan ICAO, pesawat yang dalam penerbangan dari Amsterdam, Belanda ke Kuala Lumpur itu apabila ditembak jatuh oleh peluru berpandu Russia ketika sedang terbang melintasi timur Ukraine.

Ketika itu, sedang berlaku pertempuran di antara kumpulan pemisah pro-Russia dan tentera Ukraine.

Pada November 2022, Mahkamah Belanda mensabitkan dua lelaki warga Russia dan seorang lelaki warga Ukraine secara ‘in absentia’ dengan kesalahan membunuh susulan peranan mereka dalam serangan terbabit.

Susulan itu, menurut laporan itu, ICAO akan mempertimbang bentuk pampasan yang sesuai dalam tempoh beberapa minggu lagi.

Menjelas lanjut, Perdana



Gambar fail pesawat MH17 ditembak jatuh oleh peluru berpandu Russia ketika sedang terbang melintasi timur Ukraine.

(Foto AFP)

Menteri berkata, beliau membangkitkan' isu tragedi MH17 ketika rundingan dua hala dengan Presiden Russia itu di Kremlin sebagai mewakili keluarga mangsa yang terbabit.

Perjelas kepada keluarga

“Tentunya saya sebagai mewakili rakyat Malaysia, terutama keluarga mangsa, mengambil kesempatan membangkitkan isu itu kepada Presiden Putin keti-

ka mengadakan rundingan dua hala,” katanya.

Anwar berkata, beliau akan menjelaskan kepada keluarga mangsa berhubung maklum balas diberikan oleh Putin.

Anwar berada di Moscow untuk lawatan rasmi empat hari bermula 13 Mei atas undangan Putin, akan meneruskan segmen kedua lawatan dengan mengunjungi Kazan, Tatarsta mulai semalam. BERNAMA